

**SPR syorkan 10 minit siaran untuk beberapa episod manifesto Pakatan
Malaysian Insider
April 9,2013
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 9 April — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menawarkan kepada Pakatan Rakyat (PR) untuk diberikan masa di media arus perdana secara berepisod untuk setiap 10 minit bagi menyentuh beberapa isu utama dalam manifesto mereka.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata terdapat salah faham dikalangan pemimpin Pakatan Rakyat (PR) tentang tawaran 10 minit sebelum ini yang menyebabkan ia ditolak.

"Belum lagi kita beri taklimat dan bincang, tapi mereka menolaknya," kata Abdul Aziz kepada The Malaysian Insider, merujuk kepada tindakan PR menolak tawaran 10 minit diberikan untuk membentangkan manifesto mereka.

"Sebenarnya tawaran 10 minit bukan untuk sekali sahaja bersiaran, tapi untuk beberapa episod... mungkin satu episod tentang isu ekonomi, episod kedua tentang aspek sosial ataupun lain-lain yang mereka ingin beritahu kepada orang ramai tentang manifesto mereka," tambah beliau.

Abdul Aziz juga kesal apabila pemimpin PR menolak bulat-bulat cadangan 10 minit tanpa terlebih dahulu berjumpa dengan SPR untuk berbincang.

"Kami sudah berusaha untuk beri ruang media arus perdana kepada mereka, tapi mereka tolak... usaha kami selama ini sia-sia sahaja.

"Mereka patut pertimbangkan," kata beliau mengulangi tawaran yang ditawarkannya bulan lepas.

Disamping itu, Abdul Aziz menerangkan setiap rakaman manifesto itu perlu direkod awal kerana ia akan disiarkan berulang kali dan bukan kerana untuk dimanipulasi seperti didakwa oleh pemimpin PR sebelum ini.

Bulan lepas, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim membenarkan semua parti politik membentangkan manifesto menerusi siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) selama 10 minit.

Rais berkata peluang itu diberikan sebagai menghormati sistem demokrasi di dalam negara ini.

Walau bagaimanapun, parti komponen PR yang terdiri daripada PAS, DAP dan PKR menolak tawaran tersebut.

"Mereka melayan kita macam peminta sedekah, 10 minit waktu siaran tidak bermakna kebebasan media," kata Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Ia diikuti pula dengan PAS, apabila setiausaha agungnya Datuk Mustafa Ali turut mengikut jejak DAP menolak tawaran tersebut.

"Kami tolak kerana ia adalah rakaman bukan siaran langsung," kata setiausaha agung PAS

itu.

"Boleh jadi apa-apa kalau bukan siaran langsung," katanya lagi, apabila ditanya jika PAS bimbang siaran tersebut diolah oleh RTM.

Ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula mengatakan tawaran tersebut sebagai "memperolok-olokkan kebebasan media".

SPR akan bertemu esok untuk menetapkan tarikh hari penamaan calon, pengundian awal /pos dan hari mengundi bagi Pilihan Raya 2013.

Barisan Nasional (BN) dan PR akan bersaing bagi merebut 222 kerusi parlimen di seluruh negara dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di kesemua negeri kecuali Sarawak.

Sarawak telah menjalankan pilihan raya negeri pada 2011.

Pemerhati mengatakan BN berpeluang untuk kembali memerintah akan tetapi tidak mustahil bagi PR untuk melakukan kejutan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-syorkan-10-minit-siaran-untuk-beberapa-episod-manifesto-pakatan/>